

25 DEC 1998

DR MAHATHIR LAWAT DUA KAKAK DI ALOR SETAR

ALOR SETAR, 25 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi dua orang kakaknya yang menetap di Taman Malik, Jalan Pegawai, di sini.

Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira 30 minit berbual mesra dengan Habsah, 80, dan Rafeah, 86.

Selepas itu beliau melawat Masjid Kampung Akar Peluru, Jalan Pegawai yang sedang dalam pembinaan. Masjid bernilai RM2 juta itu adalah hasil sumbangan Yayasan Al-Bukhary.

Dr Mahathir singgah sebentar di Alor Setar dalam perjalanan untuk melakukan lawatan ke Langkawi.

-- BERNAMA

MZM MAI